

01/08/2004

Mesyuarat Umno 2004: Pemilihan pemimpin dan perspektif politik Melayu

By Noor Azam

SELESAI sudah mesyuarat perwakilan 190 bahagian Umno - yang menarik perhatian kerana ada pemilihan. Dicampur dengan Pemuda dan Wanita, jadilah 570 mesyuarat semuanya. Dianggarkan, paling tidak 85,500 orang menghadirinya berdasarkan hitung panjang 150 wakil bagi setiap mesyuarat itu. Ada banyak bahagian yang perwakilannya melebihi 200 orang. Ini belum dihitung mesyuarat Puteri.

Sebelum ini mesyuarat cawangan berlangsung di seluruh ceruk dan rantau termasuk di kawasan setinggian dan di desa terpencil di bandar raya. Pendeknya, di mana ada manusia peribumi, kecuali di Sarawak, ialah Umno. Ratusan ribu pula ahli yang terlibat di peringkat akar tunjang ini. Alangkah banyak dan ramainya kita bermesyuarat!

Jika dicampur dengan mesyuarat parti-parti komponen BN, nyatalah betapa besar dan luasnya penyertaan rakyat dalam proses demokrasi kita. Belum lagi dihitung mesyuarat parti-parti pembangkang. Mesyuarat peringkat rakyat jelata ini berjalan dengan bebas. Segala peringkat dan golongan terlibat. Macam-macam boleh dibincang dan dibahaskan.

Rasanya tidak banyak negara mengamalkan proses partisipasi politik seperti ini. Kita bertuah. Penduduk kita hanya 22 juta. Amalan ini perlulah dipertahankan. Terserahlah kepada kita untuk mempergunakannya sebaik mungkin. Inilah wadah utama dan induk demokrasi kita.

Kata Tengku Razaleigh, "Setiap orang yang menyertai perjuangan politik, mesti mempunyai cita-cita tinggi. Kalau tidak, tak payah masuk politik kerana nak jadi pak turut saja. Baik pergi kedai kopi.... Sedap minum kopi, kenyang balik tidur."

Bagi saya, untuk menyertai parti politik, kita tidak perlu mempunyai "cita-cita tinggi". Cita-cita rendah pun boleh. Untuk kepentingan kampung pun boleh. Jadi penyokong saja pun ada juga gunanya, kerana semua parti memerlukan sokongan seramai mungkin. Kalau semua yang masuk parti hanya orang yang mempunyai "cita-cita tinggi", kacau juga. Siapa yang nak berarak dan bertepuk. Malah kerana cita-cita yang tinggi itu, ada juga yang sanggup jadi "pak turut", bahkan jadi tukang ampu. Lebih buruk lagi main politik wang!

Jadi selama kira-kira dua bulan cawangan dan bahagian Umno bermesyuarat tahun ini, apakah yang kita dapat?

Agak kecewa apabila tidak mendengar atau membaca berita mesyuarat yang membincangkan isu-isu yang menyentuh kehidupan kita secara langsung, terutama isu yang sering menjadi berita besar dalam media, yang membawa pelbagai masalah kepada rakyat.

Ada sejuta penagih dadah, sebahagian besar orang Melayu. Penghidap Aids pun bertambah makin pesat - Melayu juga paling ramai! Lulusan universiti menganggur makin bertambah, terbesar anak Melayu juga, dikatakan kerana tidak fasih berbahasa Inggeris - betulkah begitu?

Pelajaran komputer di sekolah tidak berjalan bagai dirancang terutama di luar bandar. Program pendidikan agama Islam yang baru sudah bermula - sebelum terlambat eloklah diberi perhatian dan maklum balas daripada ibu bapa. Keruntuhan moral dan penyakit sosial makin serius, lantas kerajaan melancarkan Pelan Integriti Nasional. Bagaimana pula dengan Islam Hadhari?

Perkembangan pesat teknologi informasi - terutama penggunaan internet, SMS, VCD dan media TV - semakin banyak membawa pengaruh buruk. Kita seperti tidak boleh berbuat apa-apa lagi - menyerah kepada para pedagang. Konsumarisme dan iklan telah menawan kita!

Ini hanya sekadar beberapa contoh. Tiada satu pun isu-isu ini yang nampak dibincangkan dalam mesyuarat yang begitu banyak dan membabitkan orang begitu ramai. Apakah kerana media tidak memberikan perhatian? Atau memang tidak dibincangkan?

Seluruh mesyuarat nampak tertumpu kepada pertandingan pimpinan bahagian dan pemilihan calon MT, Jawatankuasa Kerja Wanita dan Pemuda. Masa berjam-jam sewaktu menghitung undi nampaknya tidak dipergunakan.

PERTANDINGAN DAN PEMILIHAN, BANGSAWAN POLITIK DAN POLITIK PONDAN

AKHBAR Berita Harian 23 Julai melaporkan: Mesyuarat Perwakilan Bahagian Kuala Terengganu bermula jam 9.00 malam hingga 5.45 pagi. Lebih 350 wakil dan pemerhati tidak berganjak hingga menjelang subuh. (Ini rekod dunia!)

Waktu yang sangat lama diperlukan untuk mengira undi 85 calon yang bertanding merebut Jawatankuasa Bahagian, selain berlaku pertikaman lidah kerana bertelagah mengenai pelantikan pengerusi persidangan. (Apa jadi dengan kedudukan Pengerusi Tetap?)

Demikianlah sampai kita jadi muak dengan berita "pertandingan dan pemilihan". Kata Datuk Seri Najib Razak, "Money politics still alive. Umno disciplinary committee identifies culprits" (Star - 16 Julai).

Cerita nak jadi calon atau tidak, dan pengumuman tarik diri serta sokong menyokong orang tertentu di kalangan Pemuda, nampak sangat ada lakonan 'bangsawan politik'. Ada pula yang gaya macam 'politik pondan', bukan macam politik Pemuda.

Wanita Gua Musang pula mencipta rekod dengan aksi menghayun kerusi. Beberapa bahagian terpaksa bermesyuarat semula. Ada pula arahan supaya bekas ahli Puteri, duduk diam-diam tiga tahun, jangan buat apa-apa! - Akhbar Star 16 Julai menyiarkan berita bertajuk: "Rafidah: Don't challenge me".

Pertandingan Ketua Pemuda Bahagian Putrajaya - bahagian paling kecil, hanya 65 orang perwakilan - mendapat berita besar dua tiga hari, siap dengan foto calon bersama isteri.

Tengku Razaleigh dikatakan tokoh yang tak punya tempat lagi, tetapi berita dan ulasan mengenainya terus mendapat tempat di semua media. Semuanya menghentam Tengku Razaleigh habis-habisan, pada hal ia tak punya kekuatan untuk menggugat parti mahupun Pak Lah.

Pada tahun 1987 Tun Dr Mahathir Mohamad hendak dijatuhkan kerana dikatakan pemimpin "diktator". Terjadilah kempen paling hebat dalam sejarah pemilihan pucuk pimpinan Umno. Tahun ini - nasihat dan amaran berulang-ulang beberapa pemimpin mengenai "pertandingan dan pemilihan" - membuat orang merasa MT terlalu sangat "nak kontrol". Calon kena duduk diam-diam. Membuat kenyataan akhbar pun tak boleh. Pada hal semua tahu, mahu tak mahu calon-calon perlu berkempen mencari sokongan.

Justeru orang yang prihatin dan baru kembali menyenangi Umno pun bertanya: Apa dah jadi dengan Umno yang baru saja diberi mandat besar dalam pilihan raya yang masih panas? Inikah rupa parti yang menjuarai demokrasi? Akan lebih baikkah khidmat Wakil Rakyat dan Umno di peringkat bahagian? Dapatkah pemimpin Umno merealisasikan gagasan Pak Lah? Akan adakah pemikiran dan perspektif politik yang baru?

PERUBAHAN PIMPINAN DI PERINGKAT AKAR UMBI - 'ORANG LAMA' DAN 'ORANG BARU'

BAGAIMANAPUN mesyuarat bahagian tahun ini memperlihatkan suatu perkembangan yang membawa harapan baru, iaitu munculnya barisan pimpinan baru di peringkat bahagian. Meskipun ini bukanlah sesuatu yang baru, kerana ia memang terjadi setiap kali berlaku perubahan pucuk pimpinan kerajaan dan parti dan selepas tiap pilihan raya umum.

Pada era Tun Dr Mahathir kita lihat tiga kali berlaku perubahan barisan pimpinan. Benarlah sekali air bah, sekali pasir berubah. Bezanya kali ini kemunculan 'orang baru' dalam pertandingan amat ketara. Ini sesuai dengan

bertambahnya generasi muda yang profesional dan berpendidikan tinggi menyertai Umno secara aktif. Sesuai pula dengan sebahagian besar ahli Umno dan pengundi yang terdiri daripada generasi muda. Justeru `orang lama' tiada pilihan melainkan bila tiba masanya mengundurkan diri dan menyokong `orang baru'. Kalau sudah 26 tahun jadi Ketua Bahagian, masih nak lagi, bekulah parti!

Ketika Tun Dr Mahathir membuat rombakan kecil barisan pimpinan Umno Kelantan tahun lalu, berloncatanlah pemimpin negeri lain membuat kenyataan bersedia mengundurkan diri, tetapi tawaran ini acah politik saja; kecuali yang digugurkan oleh Pak Lah semasa pilihan raya yang lalu.

Dalam sejarah Umno yang saya ingat, hanya seorang saja pemimpin yang tiada apa-apa masalah, yang mengundurkan diri, iaitu Menteri Besar Perlis, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh. Waktu itu beliau masih segar bugar dan popular. Dan kali ini jejak beliau itu diikuti oleh Datuk Azmi Khalid dan Datuk Radzi Sheikh Ahmad yang baru beberapa bulan kembali ke dalam barisan pimpinan dan dilantik jadi menteri. Dua tokoh baru mengambil alih Ketua Bahagian Padang Besar dan Kangar. Sesungguhnya, Perlis negeri terkecil yang memiliki pemimpin berjiwa besar!

Sebenarnya perubahan barisan pimpinan kali ini bermula ketika pemilihan calon pilihan raya lalu yang diikuti dengan pelantikan menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen yang baru - pilihan PM baru. Keputusan pilihan calon dan pelantikan jawatan oleh pucuk pimpinan ini secara tak langsung membuka jalan kepada `orang-orang baru'. Kebetulan pula yang mentadbirkan bahagian sekarang ialah Jawatankuasa Penaja, bukan jawatankuasa pilihan perwakilan cawangan.

Namun yang lebih penting bukanlah `baru' atau `lama', tetapi apakah pemimpin baru ini masuk kerana hendak membawa pembaharuan atau sekadar hendak merebut jawatan? Adakah khidmat parti kepada rakyat akan lebih baik? Atau mereka pun, setelah mendapat kedudukan, akan mencari jalan apa saja untuk memenuhi keinginan peribadi?

Cabaran kepada Pak Lah dan Datuk Seri Najib: Membentuk budaya Umno yang baru, yang cemerlang, gemilang dan terbilang! Majoriti rakyat Malaysia, terutama peribumi, masih percaya dan harap pada Umno.

(No 86 Jalan SS22/32, Damansara Jaya, Selangor - 28 Julai 04).

(END)